**>>Pemain Leicester City begitu positif minda, utuh kesatuan dalam menggerakkan susunan strategi dan mereka seakan-akan satu keluarga besar di tengah padang**

HARIAN METRO

# Contohi semangat Leicester City

Wan Mohd Ruzlan Wan Omar

Liga Perdana Inggeris atau EPL sememangnya mempunyai peminat di seantero dunia. Ini termasuklah peminat bola sepak di tanah air kita. Menerusi paparan siaran langsung di kaca TV, mereka sanggup bersengkang mata semata-mata ingin menyaksikan perlawanan di luar atau dalam rumah.

Malahan, lebih daripada itu, di negara kita ada kelab penyokong pasukan tertentu sebagai satu usaha mengumpulkan peminat untuk sama-sama memberikan sokongan padu terhadap pasukan masing-masing. Begitulah tegarnya semangat peminat bola sepak di negara ini.

Namun, dalam wacana ringkas ini bukan niat untuk menghuraikan perkara berkenaan kerana ada yang amat menarik untuk dikupas sebagai bahan pengajaran daripada EPL 2015-2016 itu.

Sejak sebelum bermulanya lagi perlawanan pertama EPL 2015-2016, peminat hanya meletakkan kelab gah seperti Chelsea, Manchester United, Arsenal,Manchester City atau Liverpool sebagai antara yang bakal mampu muncul sebagai juara.

Kelab lain seringkali dianggap sebagai pelengkap atau penghias sahaja kepada EPL itu. Apa tidaknya, kelab seperti Manchester United atau Manchester City bukan suatu nama kecil, sebaliknya mereka nama besar dalam bola sepak Inggeris yang memiliki barisan pemain dan pengurus pasukan ternama.

Disebabkan itulah maka kelab lain dianggap sebagai pasukan kerdil untuk menggalas cabaran sengit dalam siri perlawanan EPL yang cukup panjang itu.

Semuanya itu kini hanya tinggal sebagai suatu mitos. Sebaliknya apa yang menjadi kenyataan ialah sebuah pasukan pada musim lalu hanya tinggal 'nyawa-nyawa ikan' untuk tersingkir daripada Liga Perdana Inggeris itu bangkit mencipta kejutan besar dalam sejarah dunia sukan bola sepak, khususnya di England dan dunia amnya.

Pemain kelab yang dibeli oleh bilionair kompleks bebas cukai dari Thailand Vichai Srivaddhanaprabha berjaya membuka mata seluruh peminat bola sepak bahawa pasukan mana sekalipun memiliki peluang yang sama untuk muncul sebagai juara.

Tanpa dibarisi ramai pemain bintang dunia, namun semua itu bukan alasan buat pemain Leicester City menunjukkan aksi menakjubkan.

Daripada satu perlawanan ke satu perlawanan, mereka mengharungi dengan semangat jitu penuh bersefahaman tanpa sedikit pun berasa rendah diri khususnya ketika terpaksa melayan aksi pemain bintang dunia dari kelab ternama.

Kelab ternama yang menerima pelbagai anugerah seakan terkedu melihat kebangkitan luar biasa pemain Leicester City. Di bawah bimbingan jurulatih dari Itali, Claudio Ranieri, pemainnya mara dengan satu lonjakan saujana tanpa menoleh ke belakang untuk mencapai status juara yang selama ini mungkin boleh dianggap sekadar angan-angan semata-mata.

Ranieri berjaya menyuntik semangat membara dalam kalangan pemainnya supaya tidak terlalu 'mengagung-agungkan kewibawaan' pemain lawan yang jauh lebih mahal nilai harganya. Sebaliknya beliau menginginkan setiap pemain sentiasa fokus terhadap sesuatu perlawanan dengan daya juang tinggi berbekalkan sikap persefahaman yang padu.

Ternyata Raneiri bijak mengadunkan ramuan dalam mencongak dan mencorak strategi terbaik buat seluruh pemainnya sehingga jiwa mereka besar dan sentiasa positif dalam menghadapi apa sahaja perlawanan tanpa dihantui oleh rasa rendah diri atau berasa diri terlalu kerdil.

Sesungguhnya, banyak pengajaran berguna yang sewajarnya kita semua teladani daripada kisah kejayaan Leicester City itu. Lebih-lebih lagi buat pemain bola sepak di negara kita juga tidak seharusnya hanya kagum dengan kejayaan yang dicapai oleh Leicester itu. Mari kita hayati sedikit petikan daripada apa yang dikatakan oleh Raneiri yang mana ia seharusnya membuka minda seluruh pemain bola sepak di negara kita ini.

"Pemain mempamerkan prestasi mengagumkan. Fokus, kesungguhan dan semangat yang ditunjukkan menjadikan kejayaan ini menjadi satu kenyataan. Setiap perlawanan, pemain saya bekerja keras dan saya amat gembira apabila menyaksikan mereka mampu bermain dalam satu pasukan yang berpadu. Pada saya, mereka sesungguhnya berhak meraih gelaran juara ini," katanya.

Kita yang menyaksikan sendiri menerusi paparan di kaca TV pun dapat melihat bagaimana kesungguhan pemain Leicester City mengharungi sesuatu perlawanan.

Mereka begitu positif minda, utuh kesatuan dalam menggerakkan susunan strategi dan yang lebih mengagumkan mereka seakan-akan satu keluarga besar di tengah padang. Inilah yang mereka pamerkan buat kita dan mungkin juga inilah yang pemain di dalam mana-nama pasukan di negara kita tiada.

Kini, mitos yang selama ini hanya mengatakan bahawa juara Liga Perdana Inggeris itu hanya untuk pasukan gah yang dibarisi bintang dunia sudah 'luput tarikhnya'.

Tanggapan berunsurkan mitos itu terpadam dengan sendirinya apabila kelab kecil mampu memberikan saingan kuat buat pasukan kelab lain.

Leicester City juga mengajar kita bahawa apa sahaja cita-cita pasti menemui kejayaan seandainya ia digarap dengan adunan strategi berkesan dengan mengutamakan keutuhan jiwa pemain yang kental dengan semangat melawan.

Kejayaan mereka juga seakan-akan meninggalkan satu pesanan buat kita semua bahawa, Siapa sahaja boleh berjaya, asalkan kuat jiwa, kukuh semangat dan kental dalam hadapi sebarang cabaran.

Bak kata pepatah Arab, "Man Jadda wal Jada,' yang bermaksud, 'Siapa yang berusaha, maka dialah yang berjaya.'

Semoga kita semua dapat mengutip pengajaran daripada sikap pemain Leicester City dalam membina kekuatan dalaman demi mengharungi apa juga cabaran kehidupan. Apatah lagi, kejayaan Leicester City wajar sekali dicontohi oleh setiap pemain dan pasukan bola sepak di negara kita.

***Penulis Berkelulusan Sarjana Muda Sastera Pengkhususan Sejarah (Kepujian) UKM***

LEMBAGA PENGARANG
Metro
**Datuk Abdul Jalil Hamid** Pengarang Urusan Kumpulan NSTP | **Datuk Mustapa Omar** Pengarang Kumpulan | **Ahmad@Salim Bachok** Timbalan Pengarang Kumpulan | **Othman Mamat** Pengarang Eksekutif (Pengeluaran/BPI)
**Sharifudin Mohamad** Pengarang Eksekutif (Berita dan Integrasi Media) | **Nor Shamsiah Mohd Yunus** Penulis Khas Kanan | **Noor Sham Md Salleh** Pengarang Bersekutu (Berita dan Integrasi Media)